

**JANM CAWANGAN SRI AMAN**

**TARIKH : 27 MAC 2020**

**SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SRI AMAN**

Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI KHAS BERIKUTAN TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN AKIBAT PENULARAN WABAK COVID-19 MULAI 18 MAC 2020  
HINGGA 14 APRIL 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Perutusan Khas pada 16 Mac 2020 dan 25 Mac 2020 berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

**2** Sehubungan itu, berikut adalah ringkasan perkara-perkara penting untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya:

**A. ARAHAN PEMBAYARAN**

- i. Sila pastikan Dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **Perakuan 2** selewat-lewatnya jam **2.00 Petang** pada **31 MAC 2020**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula **1 APRIL 2020 (RABU)**;
- ii. PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam **Arahan Perbendaharaan 103(a)**;
- iii. Sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** melalui emel **sri\_pengurusandana@anm.gov.my** jika tidak mematuhi arahan seperti di para (i) di atas pada **hari pertama** bekerja selepas **tamat tempoh PKP**.


**B. PEROLEHAN DARURAT**

- i. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah memberikan kelulusan **Perolehan Darurat** di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- ii. Kaedah perolehan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada agensi kerajaan adalah **TERPAKAI** untuk perolehan darurat terhad kepada 3 jenis item iaitu Pembersih Tangan (*Hand Sanitizer*), Alat Kawalan Suhu (*Thermometer*) dan Topeng Muka (*Face mask*) merujuk kepada Soalan Lazim FAQ MOF Berkaitan Perolehan Baharu dalam tempoh PKP.

iii. Bagi Perolehan Darurat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perolehan yang melibatkan **ASET** adalah perlu menggunakan **PESANAN KERAJAAN iGFMS** bagi tujuan pendaftaran aset. Manakala perolehan selain daripada **ASET**, pembayaran adalah dengan menggunakan **Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan** dengan mencatatkan di ruangan perihal/catatan – **Perbelanjaan Darurat di bawah AP 55 / Perolehan Darurat di bawah AP 173.2** .

iv. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh **14 Hari** dari tarikh bil/invois atau tuntutan lengkap diterima.

Lampiran E



M.S 22/24



## PEMBAYARAN BAGI PEROLEHAN DARURAT AP173.2

### PEROLEHAN DENGAN PESANAN KERAJAAN

- ❖ Perolehan melibatkan **ASET SAHAJA**;
- ❖ Menyediakan Pesanan Kerajaan melalui Sistem **iGFMS - LO iGFMS** (Sistem eP dikecualikan);
- ❖ Menggunakan kod akaun aset yang tepat (A143XXXX); dan
- ❖ Bayaran melalui Modul Pengurusan Arahan Pembayaran → Arahan Pembayaran **DENGAN** Pesanan Kerajaan.

### PEROLEHAN TANPA PESANAN KERAJAAN

- ❖ Perolehan **SELAIN ASET**;
- ❖ **TIDAK** perlu menyediakan Pesanan Kerajaan Sistem eP/iGFMS;
- ❖ Menggunakan kod akaun belanja yang tepat; dan
- ❖ Bayaran melalui Modul Pengurusan Arahan Pembayaran → Arahan Pembayaran **TANPA** Pesanan Kerajaan.

**AP173.2** merupakan satu kaedah **PERBELANJAAN** dalam sesuatu keadaan **DARURAT** di mana **TERDAPAT PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN** tetapi **PERATURAN PEROLEHAN TIDAK DAPAT DIPATUHI**. Dalam keadaan perbelanjaan darurat atau perolehan darurat, **PTJ** adalah diberi **KELONGGARAN** daripada **MEMATUHI PERATURAN PEROLEHAN** yang berkuat kuasa demi  **Menjaga Kepentingan Awam dan Kerajaan**.

**PEKELILING PERBENDAHARAAN PB 3.3**  
GARIS PANDUAN PERBELANJAAN DARURAT (AP 55) DAN PEROLEHAN DARURAT (173.2)

### **C. TERIMAAN**

- i. Sila pastikan semua kutipan sebelum / pada **30 MAC 2020** telah dibankkan sebelum / pada **31 MAC 2020 SEBELUM Jam 1.00 Petang** seperti ketetapan AP78;
- ii. Bagi kutipan pada **31 MAC 2020**, semua kutipan termasuk yang tidak sempat dibankkan, disediakan **PENYATA PEMUNGUT** dengan semakan **STATUS 80**;
- iii. Bagi **Terimaan Online bermula 18.03.2020 hingga 14.04.2020**, PTJ adalah dibenarkan menyediakan **Penyata Pemungut** setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) **SEJURUS** selepas PTJ dibenarkan bekerja semula. PTJ hendaklah membuat **catatan rujukan** bagi Penyata Pemungut tersebut **justifikasi kelewatan** adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan Malaysia disebabkan **Pandemik Covid-19**.
- iv. Sekiranya PTJ **GAGAL** mematuhi Peraturan di para (i) dan (ii) di atas, sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** ke Jabatan ini pada **hari pertama** bekerja selepas **tamat tempoh PKP**.

### **D. PANJAR WANG RUNCIT BAGI BULAN MAC 2020**

- i. Dimaklumkan bahawa proses panjar wang runcit bagi bulan MAC adalah ditutup sehingga 31 Mac 2020. PTJ boleh membuat proses panjar pada 1 April 2020.
- ii. PTJ perlu menjana Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai di Portal IGFMAS sebelum penutupan akaun bulanan.
- iii. Sekiranya terdapat dokumen tersenarai dalam laporan tersebut, PTJ perlu menyempurnakan dokumen panjar sehingga **status 80** atau **hapus** sebelum **1.00 Petang, 31 MAC 2020**;

### **E. TRANSAKSI PERAKAUNAN**

- i. Memastikan Akaun Penyelesaian berikut dikosongkan dan dilaraskan ke kod akaun yang sebenar (sekiranya digunakan):
  - a. **A2991104 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Wang Jaminan Pelaksanaan** (Pelarasan melalui Jurnal **KJ Biasa Pelarasan** ke kod akaun **L1111107**);
  - b. **A2991108 – Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Lain-Lain Deposit** (Mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan kepada AO untuk dibuat pelarasan melalui sistem SAP GUI);

- c. **L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun** (pastikan caruman KWSP dan Perkeso dibuat bayaran segera sekiranya amaun tersebut telah dipotong daripada baucar gaji). PTJ hendaklah menyediakan baucar gaji dahulu dan kemudian menyediakan arahan pembayaran kepada KWSP & Perkeso.
  - d. **L1312959 – Penerimaan Bekalan & Perkhidmatan (GRN)** (menyemak **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan Yang Telah Lengkap** dan seterusnya mengambil tindakan berdasarkan tatacara yang dilampirkan). Arahan Pembayaran yang disediakan adalah tertakluk kepada penyempurnaan bekalan/ perkhidmatan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 99(e).
- ii. Memastikan **akaun deposit** dipertanggungkan dibawah **dana am (G000)**. PTJ perlu membuat pelarasan sekiranya menggunakan dana selain daripada G000.
  - iii. Memastikan **hasil am** dipertanggungkan dibawah **dana am (G000)** dan tiada hasil yang berbaki **debit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi hasil yang berbaki debit.
  - iv. Memastikan **belanja** tidak dipertanggungkan dibawah **dana am (G000)** dan tiada belanja yang berbaki **kredit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi perbelanjaan yang berbaki kredit.

#### **F. PENGGUNAAN KOD AKAUN BAGI SARUNG TANGAN, ALAT KAWALAN SUHU, TOPENG MUKA & PEMBERSIH TANGAN**

- i. Sarung Tangan (*Gloves*) menggunakan kod akaun **B0227499**;
- ii. Alat Kawalan Suhu (*Thermometer*) menggunakan kod akaun **B0227499**;
- iii. Topeng Muka (*Face mask*) menggunakan kod akaun **B0227499**;
- iv. Pembersih Tangan (*Hand Sanitizer*) menggunakan kod akaun **B0227499**.

#### **G. LAPORAN PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA PENYESUAIAN**

- i. **Sijil Pengesahan Baki Vot, Sijil Pengesahan Baki Terimaan, Sijil Pengesahan Baki Deposit dan Sijil Pengesahan Baki Amanah beserta Penyata Penyesuaian** bagi bulan **MAC** dikemukakan kepada **JANM Cawangan Sri Aman** selewat-lewatnya pada **14 hari berikutnya selepas tamat tempoh PKP** secara **Hardcopy dan Softcopy** kepada **pegawai di Unit Akaun** melalui emel ke **akaun\_sri@anm.gov.my** ;
- ii. **Surat Peringatan Pertama** akan dikeluarkan sekiranya mana-mana PTJ yang tidak mengemukakan Sijil Pengesahan Baki kepada JANM Cawangan Sri Aman sama ada secara **Hardcopy** atau **Softcopy** sebelum atau pada **14 haribulan bulan berikutnya selepas tamat tempoh PKP**.

- iii. Bagi mana-mana PTJ yang masih belum mengemukakan pengesahan baki bulan Januari dan/atau Februari 2020 atau tahun sebelumnya (2019), sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki menggunakan kaedah yang ditetapkan di atas dengan segera.

#### **H. PERMOHONAN KELULUSAN AP58(a) DARIPADA PEJABAT PERAKAUNAN**

- i. Permohonan melalui emel ke **sri\_pengurusandana@anm.gov.my** adalah dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- ii. PTJ hendaklah memastikan dokumen-dokumen adalah lengkap dengan amaun adalah tepat. Jika melibatkan tuntutan yang terlalu banyak, PTJ digalakkan membuat satu ringkasan senarai pegawai-pegawai yang terlibat dalam pembayaran AP58(a) tersebut dengan pengesahan PTJ sebagai dokumen tambahan.
- iii. Ringkasan tersebut perlu mengandungi Nama Pegawai, Gred, Amaun tuntutan, Bulan dan Tahun tuntutan. Ringkasan ini perlu disahkan oleh PTJ bahawa maklumat pegawai dan amaun adalah tepat serta dokumen sokongan dengan lengkap. PTJ adalah bertanggungjawab bagi pengesahan tersebut. Sekiranya terdapat keraguan pada tuntutan atau dokumen yang dikemukakan tidak lengkap, permohonan akan dikuiiri oleh Pejabat Perakaunan.

#### **I. ELAUN KHAS BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM MENANGANI COVID-19 (SURAT KEMENTERIAN KEWANGAN, MOF.PB(S) 600-8/7/14 (4) BERTARIKH 18 MAC 2020)**

- i. Syarat tuntutan elaun khas ini adalah terpakai kepada pegawai/petugas di bawah Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara dan Agensi Pengurusan Bencana Negara yang diarahkan serta terlibat secara langsung dengan pengawalan penularan wabak COVID-19.
- ii. Sebarang penjelasan berkaitan proses bayaran dan perakaunan boleh dirujuk kepada **Bahagian Akaun, Kementerian** masing-masing di mana semua Kementerian/Jabatan/Agensi adalah digalakkan untuk menyediakan satu garis panduan dalaman sebagai langkah kawalan.
- iii. Kaedah tuntutan adalah secara bulanan berdasarkan surat arahan bertugas, diluluskan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan disokong oleh dokumen yang berkaitan.

**J. PENANGGUHAN POTONGAN GAJI PENJAWAT AWAM BAGI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

- i. Berdasarkan kepada arahan terbaru pihak Kerajaan mengenai penangguhan PTPTN bagi tempoh enam (6) bulan, dimaklumkan bahawa penangguhan **Potongan Gaji Penjawat Awam** bagi PTPTN akan bermula pada **April 2020** hingga **September 2020**.
- ii. Walaubagaimanapun, sekiranya peminjam PTPTN ingin meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh penangguhan, kaedah pembayaran adalah seperti berikut:
  - a. Bagi peminjam yang ingin meneruskan bayaran balik pinjaman, boleh membuat bayaran mengikut saluran yang telah disediakan (<https://www.ptptn.gov.my/kaunter-side>).
  - b. Peminjam yang ingin meneruskan potongan gaji/ *Direct Debit* pula dikehendaki membuat permohonan di Portal Rasmi PTPTN [www.ptptn.gov.my/covid-19](http://www.ptptn.gov.my/covid-19) mulai **23 Mac 2020** hingga **15 Ogos 2020**.
- iii. PTJ adalah dipohon untuk membuat hebahan kepada pegawai-pegawai di pejabat PTJ yang mempunyai potongan bayaran balik pinjaman PTPTN untuk makluman dan perhatian selanjutnya oleh pegawai yang berkenaan.

**K. TARIKH SIMULASI UNTUK PEMBAYARAN GAJI APRIL 2020**

- i. PTJ adalah diingatkan untuk mematuhi jadual simulasi gaji seperti yang telah dikeluarkan pada bulan Januari 2020. Bagi simulasi gaji bulan April 2020 PTJ dibenarkan melakukan simulasi pada tarikh **1 - 7 April 2020**.



3. Jika terdapat sebarang persoalan, tuan/puan boleh terus berhubung dengan pegawai di unit berkaitan seperti berikut :

Muhammad Naszman Bin Bukhari (Operasi)	0126182406
Beatrice Sandra Umoi Anak Gabriel (Dana)	0168712070
Hardy Anak Angat (Gaji)	0178096066
Fadhil Afham Bin Mohamad (Teknikal)	0198942949
Siti Nurul Hidayah Binti Mohd Arif (Akaun)	0198498895

4. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**SEKSYEN OPERASI  
JANM CAWANGAN SRI AMAN**

***NOTA PENTING:***

***ARAHAN KHAS OPERASI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA ARAHAN IBU PEJABAT  
JANM & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) YANG BERKUATKUASA DARI  
SEMASA KE SEMASA.***

**TINDAKAN KE ATAS NOTA PENERIMAAN BEKALAN & PERKHIDMATAN (GRN) DAN NOTA PELAKSANAAN PERKHIDMATAN (FRN) YANG BELUM DISELESAIKAN SEHINGGA ARAHAN PEMBAYARAN.**

Bil	SENARIO	TINDAKAN
1.1	<p><b><u>SENARIO 1</u></b></p> <p>GRN/FRN yang berstatus 80 <b>TETAPI</b> proses bayaran dibuat melalui modul Invois Tanpa Pesanan Kerajaan dengan kelulusan Kementerian Kewangan atau Pejabat Perakaunan.</p>	<p>(i) Sila batalkan GRN/FRN dalam portal iGFMAS / Sistem eP.</p> <p>(ii) Batalkan Pesanan Kerajaan bagi membolehkan Peruntukan dikembalikan ke Vot PTJ.</p> <p>(iii) Semak <b>Laporan Aset/Liabilit/Ekuiti</b> dengan membuat pilihan kod akaun liabiliti <b>L1312959</b>. Pastikan amaun pada laporan berkenaan berkurangan setelah pembatalan dibuat.</p>
1.2	<p><b><u>SENARIO 2</u></b></p> <p>GRN/FRN yang berstatus 80 <b>TETAPI</b> pembayaran <b>TIDAK PERLU</b> diteruskan oleh PTJ</p>	<p>(i) Sila batalkan GRN/FRN dalam portal iGFMAS / Sistem eP.</p> <p>(ii) Batalkan Pesanan Kerajaan bagi membolehkan Peruntukan dikembalikan ke Vot PTJ.</p> <p>(iii) Semak <b>Laporan Aset/Liabilit/Ekuiti</b> dengan membuat pilihan kod akaun liabiliti <b>L1312959</b>. Pastikan amaun pada laporan berkenaan berkurangan setelah pembatalan dibuat.</p>
1.3	<p><b><u>SENARIO 3</u></b></p> <p>GRN/FRN yang berstatus 80 <b>TETAPI</b> pembayaran belum diselesaikan.</p>	<p><b><u>Bagi Sistem iGFMAS</u></b></p> <p>i) Dapatkan invois dari pembekal dan proses hingga Arahan Pembayaran berstatus 80.</p> <p><b><u>Bagi Sistem ePerolehan</u></b></p> <p>i) Pastikan pembekal mengunci masuk invois setelah pemenuhan bekalan/perkhidmatan selesai.</p> <p>ii) Lakukan proses padanan setelah semakan invois yang dikunci masuk selesai disemak oleh PTJ.</p> <p>iii) Proses Arahan Pembayaran sehingga status 80.</p> <p><b>PERINGATAN:</b> Arahan Pembayaran yang disediakan adalah tertakluk kepada penyempurnaan bekalan/perkhidmatan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 99(e).</p>